

## Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang: Masalah Pendakwah

AHMAD REDZUWAN MOHD YUNUS & AB. AZIZ MOHD ZIN

### ABSTRACT

*The research is specifically aimed to identifying the problems of Muslim preacher in his Islamic mission among the aboriginal communities in Pahang. There are two main methods used in this particular research mainly library research and field research. Meanwhile, the deduction and induction methods are used specifically for data analysis. The findings of this research, the problem of Muslim preachers are lack of commitment, insufficient number of Muslim preachers, their negative behaviors and their problems relating to Islamic mission organization.*

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti permasalahan pendakwah untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Pahang. Dua metode utama digunakan dalam kajian ini iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Sementara metode deduksi dan induksi digunakan khusus untuk menganalisis data. Kajian ini mendapati, masalah pendakwah adalah berkaitan dengan kurangnya komitmen pendakwah, bilangan pendakwah yang tidak mencukupi, sikap negatif pendakwah dan masalah pendakwah yang berkaitan dengan organisasi dakwah.*

### PENDAHULUAN

Negeri Pahang adalah negeri yang paling ramai dihuni oleh masyarakat Orang Asli berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Sehingga Disember 2003 terdapat kira-kira seramai 54293 Orang Asli di Negeri Pahang daripada 147556 Orang Asli di Semenanjung Malaysia (JHEOA 2003: T.h). Malah, Negeri Pahang merupakan negeri yang dihuni oleh ketiga-tiga kaum Orang Asli iaitu kaum Negrito, Senoi dan Melayu-Asli (Amran 1991: 4; Leary 1995: 2). Oleh itu, tanggungjawab dakwah perlu diutamakan.

Pelaksanaan dakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang telah dilakukan oleh pelbagai pertubuhan dakwah. Sejak tahun 1970-an, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) telah memberi perhatian terhadap usaha dakwah kepada masyarakat tersebut (Abdul Ghafar 1999: 49).

Usaha tersebut turut dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) Negeri Pahang, Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Bahagian Negeri Pahang, Pembangunan Tamadun Masyarakat Asli (PETAMA) dan melalui kerjasama Institusi Pengajian Tinggi seperti Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang mengadakan Latihan Amali Dakwah (Mohd Ghazali, temu bual 27 Dis. 2004).

Dalam usaha untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat ini, terdapatnya masalah yang perlu dihadapi dan diselesaikan oleh dakwah Islamiah. Kajian ini dilakukan untuk memperolehi maklumat, apakah masalah yang dihadapi oleh para pendakwah.

#### MASALAH PENDAKWAH

Menurut al-Jami (1996: 211), masalah pendakwah ialah kejahanan pendakwah tentang tasawwur Islam yang sebenar, pertentangan antara sesetengah pendakwah, berpaling dari usaha dakwah dan kekurangan manjah. Dalam penulisan beliau yang lain, beliau juga menyatakan bahawa masalah dakwah ialah pendakwah tidak menghayati akhlak yang baik (al-Jami 1979: 191).

Mashhur (1995, l. 53-64) pula menjelaskan bahawa masalah yang timbul daripada pendakwah ialah seperti masalah pangkat, isteri dan anak, cintakan dunia dan kekerasan hati.

Menurut al-Buti (T.th: 84-107) pula, masalah pendakwah ialah kejahanan untuk memperjuangkan dakwah, kekangan ilmu dan kaedah dakwah. Di samping itu, beliau telah menghuraikan dengan panjang lebar tentang masalah yang lain seperti masalah kafir-mengkafir sesama manusia, masalah negara Islam dan kafir dan masalah politik orang Islam dan pengikutnya.

Manakala Yakan (1980: 12, 48-56) pula menjelaskan bahawa, masalah pendakwah ialah masalah pengorganisasian dakwah, kekurangan daya tahanan pendakwah, pendakwah hidup dalam masyarakat Jahiliah dan yang paling besar ialah masalah wanita dan dunia.

Sementara, menurut Mohd Amin (2001: 154-192) pula, masalah pendakwah dewasa ini ialah masalah pentadbiran, masalah pendakwah yang memiliki perasaan malu dan segan dan masalah mendapatkan pendakwah yang berwibawa.

Sementara itu, menurut al-Hudaibi (1977: 131, 159, 211 & 218), masalah pendakwah ialah masalah kejahanan dan kesalahan dalam akidah, masalah taat dan mengikut, masalah kufur dengan tahgut dan masalah berurusan terus dengan al-Quran.

Berdasarkan penjelasan para sarjana di atas, di dapat bahawa kebanyakkan masalah pendakwah yang diberikan di atas adalah yang berkaitan dengan diri seseorang pendakwah itu sebagaimana yang dinyatakan oleh majoriti pendapat di atas.

Di samping masalah pendakwah yang berpunca daripada diri pendakwah, terdapat juga masalah pendakwah yang berkaitan dengan pentadbiran, organisasi dakwah, manhaj dakwah. Masalah-masalah tersebut juga merupakan masalah pendakwah. Ini adalah kerana pentadbiran, organisasi dakwah dan manhaj dakwah merupakan saluran dakwah yang dikendalikan oleh para pendakwah. Jika timbul masalah pada saluran-saluran ini, maka masalah itu sebenarnya berpunca daripada pendakwah sendiri yang bertindak sebagai pengendali saluran tersebut.

Daripada masalah pendakwah yang dinyatakan di atas, kajian ini telah mengenal pasti bahawa terdapat lima masalah pendakwah yang menjadi landasan teori kepada kajian ini. Masalah tersebut ialah masalah pendakwah tidak berwibawa, masalah pendakwah tidak konsisten melakukan dakwah, masalah akhlak pendakwah, masalah pendakwah yang berkaitan dengan organisasi dakwah dan masalah pendakwah yang berkaitan dengan manhaj dakwah.

#### MENGENAL PASTI RUANG LINGKUP MASALAH PENDAKWAH DI NEGERI PAHANG

Dalam laporan dakwah JAIP, terdapat beberapa masalah pendakwah yang dikenal pasti oleh organisasi ini. Masalah tersebut ialah seperti kekurangan kemudahan asas dan tidak ada pusat latihan khas (JAIP T.th: 5).

Masalah di atas telah diperluaskan lagi oleh Ketua Penolong Pengarah JAIP yang berpendapat, pihak jabatan telah mengenal pasti beberapa masalah pendakwah adalah seperti pendakwah tidak telus dengan tugas mereka, tiadanya kecekalan di kalangan pendakwah, pendakwah tidak penuhi janji, pendakwah tidak bersedia untuk menjadi pendakwah dan pendakwah terlalu muda sehingga orang tua tidak menghormati mereka (Mohd Ghazali, temu bual 17 Mac 2005).

Manakala bagi JHEOA, masalah pendakwah yang dikenal pasti ialah tiada usaha untuk menyeru di kalangan masyarakat Melayu kepada Orang Asli supaya memeluk Islam (Ali, temu bual 24 Ogos 2004).

Bagi Hasyim (temu bual 17 Mac 2005), masalah pendakwah yang ditemui oleh jabatan ini ialah bilangan orang Melayu untuk menjadi pendakwah adalah kurang dan program yang diadakan adalah bermusim atau tidak berterusan.

Sementara bagi PERKIM pula, masalah pendakwah yang dikenal pasti ialah kekurangan tenaga mahir dakwah Islamiah (Rosli, temu bual 17 Mac 2005).

Bagi En. Ahmadi (temu bual 24 Ogos 2004), banyak masalah pendakwah yang hadapi pada hari ini seperti masalah pendakwah mungkir janji kepada sasaran dakwah dan pendakwah mengganggu anak dara Orang Asli.

Sementara itu, menurut Razì (temu bual 17 Mac 2005), masalah pendakwah yang hadapi oleh PETAMA ialah untuk mendapatkan peserta yang tinggal di perkampungan yang diketuai oleh batin bukan Islam.

Bagi penggerak masyarakat pula, menurut Mohamed Ramli (temu bual 26 Mac 2004), masalah pendakwah ialah masalah kekurangan tenaga dakwah, kekurangan program susulan dan kekurangan bot.

Menurut Mohd Tahir (temu bual 17 Dis. 2004), masalah pendakwah ialah JHEOA tidak mengambil kesempatan untuk mempamerkan dakwah dari sudut pembangunan kepada masyarakat Orang Asli khususnya kepada mereka yang telah memeluk Islam, sikap sesetengah penggerak masyarakat sendiri, ketiadaan pengangkutan di darat dan masalah kelewatan elauan.

Bagi Zainon (temu bual 18 Ogos 2004), masalah yang dihadapi oleh pendakwah ialah masalah kekurangan peralatan mengajar, kelewatan bayaran elauan dan masalah sikap penggerak.

Menurut Mohd Yusoff (temu bual 18 Ogos 2004), masalah pendakwah kepada Orang Asli ialah penggerak tiada peralatan untuk mengajar, sikap sesetengah penggerak yang culas dengan tugas mereka dan penggerak tiada kemudahan pengangkutan untuk bergerak.

Manakala bagi Zainal Abidin (temu bual 17 Dis 2004), masalah pendakwah ialah tiada kemudahan alat bantu mengajar dan kekuatan dakwah yang tidak mencukupi.

Bagi Juhana (temu bual 16 Dis. 2004), masalah pendakwah ialah masalah penggerak tidak mencukupi, tiada peralatan untuk mengajar, elauan lewat, JHEOA tidak suka campur soal pengislaman dan penggerak tidak tinggal di kawasan perkampungan.

Manakala bagi Darus (temu bual 16 Dis. 2004), masalah pendakwah ialah penggerak tidak mencukupi untuk perhebatkan dakwah dan elauan dibayar lewat. Masalah yang sama juga dijelaskan oleh Mazlan (temu bual 21 Dis. 2004) yang mengatakan, masalah pendakwah ialah kekurangan penggerak masyarakat dan masalah kelewatan pembayaran elauan.

Sementara itu bagi Md. Zahar pula (temu bual 28 Dis. 2004), masalah pendakwah ialah kekurangan program susulan, tiada peralatan untuk pengajaran, penggerak tidak ada komitmen dan membikarkan sasaran tanpa bimbingan.

Bagi Orang Asli pula, menurut Fauzi (temu bual 26 Mac 2004), masalah mereka ialah ketiadaan penggerak. Dengan sebab itu menurut Abd. Aziz (temu bual 17 Mac 2004), mereka terbiar dan tidak mendapat bimbingan daripada tenaga pengajar.

Dalam laporan Latihan Amali Dakwah, terdapat beberapa masalah pendakwah yang dikenal pasti seperti pandangan negatif sasaran terhadap penggerak dan penggerak tidak komited (Ahmad Redzuwan 2002: 5).

Selain daripada itu, masalah ketiadaan penggerak masyarakat juga merupakan masalah pendakwah yang ditemui dalam Latihan Amali Dakwah (Abdul Ghafar 2006: 5).

Dalam Berita Harian (2004: 4), Tengku Mahkota Pahang pernah menyatakan, masalah pendakwah ialah kekurangan melakukan program susulan dan kekurangan kakitangan atau pendakwah.

Menurut Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Mohd Zin, masalah pendakwah ialah pendakwah tidak menjalankan kerja dakwah dalam erti kata yang sebenar (Berita Harian 2004: 13).

Masalah di atas turut disuarakan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob yang berpendapat, masalah dakwah kepada Orang Asli di Pahang ialah pendakwah tidak komited dengan tugas mereka dan kekurangan tenaga tersebut (Berita Harian 2004: B7).

Daripada penjelasan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh informan, laporan dan maklumat dalam akhbar di atas, dapat dijelaskan bahawa masalah pendakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang itu ialah masalah pendakwah ialah kekurangan pendakwah, kekurangan program susulan, pendakwah tidak komited, tidak cekal, telus dan culas dengan tugas mereka, sikap negatif pendakwah yang suka mungkir janji, pendakwah tidak tinggal di perkampungan Orang Asli dan mengganggu anak dara Orang Asli serta tiada kemudahan asas untuk berdakwah seperti tiada kemudahan tempat dan peralatan untuk mengajar, tiada pengangkutan, tiada sukanan pelajaran dan kelewat penerimaan eluan.

Daripada masalah pendakwah yang dijelaskan di atas, masalah pendakwah yang paling popular yang ditemui ialah masalah pendakwah tidak komited dengan tugas mereka sebagai pendakwah.

Dengan wujudnya masalah-masalah di atas, akan menyebabkan kurangnya tercapai atau tidak tercapainya matlamat dakwah yang telah dirancang oleh dakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang.

#### MASALAH PENDAKWAH DI NEGERI PAHANG

Sebagaimana dibincangkan di atas, berdasarkan fakta kajian, terdapat banyak masalah pendakwah yang dikenal pasti untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. Kesemua masalah yang dinyatakan, boleh dibahagikan kepada empat masalah utama iaitu masalah pendakwah tidak komited, masalah kekurangan pendakwah, masalah pendakwah yang berkaitan dengan organisasi dakwah dan masalah tingkahlaku negatif pendakwah.

##### a. Masalah Pendakwah Tidak Komited

Masalah pertama pendakwah ialah pendakwah tidak komited dengan tugas mereka sebagai pendakwah untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIP, rasa tidak puas hati terhadap tugas pendakwah itu memang ada, sebab ada laporan mengatakan penggerak jarang masuk kampung dan tidak meningkatkan teknik penyampaian (Mohd Ghazali, temu bual 17 Mac 2005).

Pendapat di atas diperkuatkan oleh Jarishah (1986: 283) yang menjelaskan, sikap pendakwah sekarang yang berkecimpung dalam dakwah bukan kerana didorong oleh kesedaran terhadap tanggungjawab dakwah, tetapi kerana dorongan penghidupan. Dengan itu, pendakwah sekarang yang bekerja di pejabat atau makan gaji, menunggu-nunggu gaji dan kenaikan pangkat dalam kerjayanya itu.

Sikap penggerak yang sedemikian diakui oleh Zainon (temu bual pada 18 Ogos 2004) yang menjelaskan, sememangnya tidak dinafikan terdapat pendakwah kita ini yang berlagak sebagai Yang Berhormat, mereka tidak membuat kerja mereka dengan betul. Sebab itulah kita dapat terdapat surau-surau berdebu dan terbiar sehingga ada yang menjadi reput.

Menurut beliau, tempat ibadah yang telah disediakan haruslah digunakan sebaik mungkin untuk meningkatkan kefahaman agama kepada penduduk kampung. Sekiranya surau tersebut dalam keadaan sedemikian, sudah tentulah ianya tidak digunakan oleh pendakwah di situ dan penduduk kampungnya untuk beribadat dan memberikan pendidikan. Oleh itu, mereka haruslah memanfaatkan kemudahan yang ada walaupun tidak seberapa dan mengajar selama lapan jam seminggu sebagai tanda perkhidmatan yang dibayar kepada mereka (Zainon, temu bual pada 18 Ogos 2004).

Sikap di atas ada kebenarannya, kerana ada aduan mendakwa segelintir pendakwah tidak aktif menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan, tiada inisiatif, tidak mengambil bahagian dalam masyarakat Orang Asli serta bekerja sambil lewa. Tidak kurang yang tidak prihatin dengan masyarakat itu walaupun sudah bertahun-tahun tinggal bersama mereka. Inilah yang berlaku di beberapa buah kampung seperti Kg. Bukit Serok, Sg. Soi, Sg. Mas, Sg. Kalong, Buntu dan Sg. Rual Hilir (Berita Harian 2004: 13).

Menurut Mashhur (1995: 63), pendakwah menjadi malas kerana telah lama tidak aktif dalam dakwah Islamiah. Masalah ini tidak muncul sekaligus, akan tetapi secara perlahan-lahan dan beransur-ansur sehingga hampir-hampir tidak disedari oleh para pendakwah. Akibatnya kemahuannya untuk melakukan dakwah beransur lemah, tidak berdaya untuk terus aktif yang akhirnya akan lenyap dari dirinya. Kehangatan Islam sudah tidak terasa lagi, pengaruh dakwah sudah tidak masuk dan berniat lagi dihatinya.

Menurut Mohd Tahir (temu bual pada 17 Dis. 2004), memang terdapat penggerak yang bersikap seperti di atas terutamanya golongan muda yang bekerja sebagai penggerak masyarakat. Mereka menjawat jawatan ini kerana gagal untuk mendapatkan kerja lain atau boleh dikatakan kerana terpaksa. Jadi, mereka kurang memberikan penumpuan kepada kerja-kerja mereka.

Sikap di atas ditegaskan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Mohd Zin yang berpendapat, ramai pendakwah ketika ini gemar bercakap daripada melaksanakan tanggungjawab sebenar mereka sebagai pendakwah, walaupun mereka bergelar pendakwah, pada hakikatnya mereka bukanlah menjalankan usaha dakwah dalam erti kata sebenar. Dakwah

sebenarnya adalah menyeru seseorang yang belum Islam kepada agama Islam, tetapi apa yang berlaku kini hanyalah dalam makna menyeru kepada kebaikan. Kita tidak mahu dakwah itu tertumpu kepada orang Islam sahaja, sedangkan tuntutan sebenar dakwah perlu mengambil kira semua pihak termasuk dakwah kepada masyarakat Orang Asli (Berita Harian 2004: 13).

Hal yang sama juga didedahkan oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan b. Yaakob yang berpendapat terdapat sikap pendakwah di jabatan tertentu di negeri ini yang tidak komited menjalankan tugas menjadi antara punca ada masyarakat Orang Asli yang beragama Islam kembali murtad (Berita Harian 2004: B7).

Menurut Mohd Ghazali (temu bual 17 Mac 2005), punca tiadanya komited terhadap tugas sebagai pendakwah ialah kerana dakwah kita berdepan dengan masalah tiada kepakaran untuk mengajak masyarakat Orang Asli kepada Islam. Kita hanya mampu untuk berjumpa dan berbincang apa yang boleh dilakukan, apa kekuatan dan kelemahan mereka, tetapi untuk mengajak mereka, kita tiada kepakaran. Inilah kelemahan yang paling ketara dalam dakwah kita. Oleh itu, setiap pendakwah yang diambil oleh pihak jabatan perlu menghadiri kursus-kursus yang tertentu.

Bagi Md. Zahar (temu bual 28 Dis. 2004), terdapat juga di kalangan pendakwah yang tidak tinggal bersama-sama Orang Asli di dalam perkampungan walaupun disediakan rumah untuk mereka. Akhirnya rumah tersebut reput begitu sahaja tanpa dihuni kerana kurang adanya kesanggupan untuk berkorban. Ini sebenarnya terpulang kepada tujuan kita memohon dan menerima jawatan ini.

Menurut Zainon (temu bual 18 Ogos 2004), penggerak masyarakat sewajarnyalah tinggal di penempatan masyarakat Orang Asli kerana terdapat di sesetengah perkampungan, rumah-rumah penggerak telah disediakan oleh pihak yang berwajib bagi memudahkan kerja-kerja dakwah, tetapi terdapat di kalangan mereka tidak menggunakan kemudahan tersebut, malah mereka lebih suka berulang alik dari kediaman mereka yang terletak di luar perkampungan Orang Asli.

Oleh itu, menurut Mohd Yusoff (temu bual 18 Ogos 2004), sikap penggerak yang sebegini hendaklah dipantau dari semasa ke semasa supaya mereka melaksanakan tugas yang diberikan dan sekiranya tidak melakukan pemantauan, dibimbangi mereka tidak bekerja dan akan bermain semata-mata dan jadilah mereka orang yang makan gaji buta sahaja.

Oleh kerana itulah, pendakwah diminta turun padang dengan mendekatkan diri mereka kepada masyarakat terbabit. Pendakwah perlu lebih komited berdakwah dengan menggunakan segala pendekatan paling berhikmah bagi meningkatkan kefahaman Islam kepada masyarakat Orang Asli (Berita Harian 2004: 13).

Ini adalah kerana, menurut Menteri Besar Pahang tugas dakwah di kalangan Orang Asli bukan hanya tertumpu untuk mengislamkan mereka, tetapi lebih penting bagaimana mengekalkan mereka terus memeluk dan mengikuti perintah agama (Berita Harian 2004: 13).

Pendakwah tidak komited juga pernah ditimbulkan oleh kakitangan JHEOA sendiri semasa pengkaji melakukan program dakwah di Pos Terisu, Cameron Highlands pada tahun 2002. Program tersebut telah berjaya mengislamkan seramai 33 orang, tetapi kakitangan tersebut telah memanggil semula mereka yang telah diislamkan dan meminta mereka menjelaskan semula pengislaman mereka. Hasil daripada pertemuan tersebut menyebabkan ada di antara mereka yang telah keluar daripada Islam walaupun telah melakukan syahadah. Beliau berpendapat bahawa untuk mengislamkan Orang Asli tidak perlu mengajak mereka, tetapi memadai mereka sendiri yang berminat untuk memeluknya

Pendapat di atas diperkuatkan lagi oleh Juhana (temu bual 16 Dis. 2004) yang berpendapat, JHEOA sebenarnya tidak mahu campur sangat tentang pengislaman masyarakat Orang Asli. Mereka takut Orang Asli memberontak kerana mereka beranggapan tugas mereka hanyalah untuk menjaga kebijakan semata-mata. Mereka meletakkan asas negara kita bebas untuk beragama.

Menurut Mohd Tahir (temu bual 17 Dis. 2004), setidak-tidaknya JHEOA menggunakan saluran pembangunan mereka untuk menyebarkan dakwah Islamiah kepada masyarakat Orang Asli dan bukannya memberikan pembangunan semata-mata. Beliau berpendapat bahawa JHEOA takut masyarakat Orang Asli memeluk agama Islam kerana apabila mereka Islam, masyarakat tersebut lama kelamaan akan pandai membaca. Apabila pandai membaca mereka akan meminta sesuatu kepada jabatan tersebut dan ini akan menyusahkan mereka.

Berdasarkan pendapat-pendapat di atas, didapati terdapat empat perkara yang dibincangkan berkaitan dengan sikap pendakwah yang tidak komited. Empat perkara tersebut ialah elemen yang menunjukkan tidak komitednya pendakwah, punca mereka tidak komited, akibat tidak komited dan apakah langkah yang perlu dilakukan.

Bagi elemen yang menunjukkan pendakwah tidak komited ialah penggerak jarang masuk kampung sebagaimana dijelaskan oleh Mohd Ghazali, mereka tidak membuat kerja mereka dengan betul sebagaimana dijelaskan oleh Zainon, tidak mengambil bahagian dalam masyarakat Orang Asli, tidak tinggal bersama-sama dengan masyarakat Orang Asli sebagaimana dijelaskan dalam Berita Harian dan oleh Md. Zahar, mengganggu program-program dakwah sebagaimana didapati dalam pemerhatian pengkaji dan tidak menunjukkan minat untuk mengembangkan Islam kepada masyarakat tersebut sebagaimana dijelaskan oleh Juhana. Kesemua elemen di atas menjelaskan tiadanya kesungguhan dan tanggungjawab mereka dalam menjalankan tugas sebagaimana dijelaskan oleh Jarishah.

Manakala punca pendakwah tidak komited pula ialah kerana tidak meningkatkan teknik penyampaian sebagaimana dijelaskan oleh Mohd Ghazali, tiada kepakaran untuk mengajak Orang Asli kepada Islam sebagaimana dijelaskan dalam Berita Harian dan tiada pilihan pekerjaan sebagaimana yang dijelaskan oleh Mohd Tahir dan yang paling utama ialah pendakwah telah

diselubungi dengan sikap pemalas untuk berdakwah sebagaimana dijelaskan oleh Masyhhur.

Sementara akibat tidak komited dengan tugas pula ialah surau-surau dan rumah-rumah penggerak terbiasa dan tidak terjaga sebagaimana dijelaskan oleh Zainon dan Md. Zahar, jadi pendakwah yang suka bercakap daripada melaksanakan tanggungjawab sebagaimana dijelaskan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri dan yang lebih dahsyat daripada itu ialah masyarakat Orang Asli menjadi murtad sebagaimana dijelaskan oleh Menteri Besar Pahang.

Sementara langkah yang perlu dilakukan pula ialah pendakwah mestilah menghadiri kursus-kursus yang disediakan supaya mereka menjadi pendakwah yang terlatih sebagaimana dijelaskan oleh Mohd Ghazali, memberikan pengajaran yang mencukupi sebagaimana yang diamanahkan kepada penggerak masyarakat untuk membimbing masyarakat Orang Asli dengan penuh penumpuan sebagaimana dijelaskan oleh Zainon, pendakwah perlu dipantau agar menjalankan tugas dengan betul sebagaimana dijelaskan oleh Mohd Yusoff dan menggunakan saluran yang ada untuk mengembangkan dakwah Islamiah seperti yang diperolehi oleh JHEOA sebagaimana dijelaskan oleh Mohd Tahir.

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa masalah pendakwah tidak komited dalam dakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang merupakan masalah yang amat besar impaknya kepada dakwah kerana dakwah tidak akan berfungsi dengan baik sekiranya pendakwah tidak komited dengan tugasnya sebagai pendakwah. Oleh itu, memahami tugasnya sebagai pendakwah amatlah perlu demi kelancaran dakwah kepada golongan tersebut.

#### b. Masalah Kekurangan Pendakwah

Masalah kedua pendakwah kepada masyarakat Orang Asli Di Negeri Pahang ialah kekurangan pendakwah.

Menurut Mohamed Ramli (temu bual 26 Mac 2004), di Negeri Pahang terdapat sebanyak 263 buah kampung yang besar sedangkan penggerak masyarakat hanya terdapat 39 orang sahaja. Menurut beliau, di daerah Jerantut hanya terdapat tiga orang penggerak untuk berhadapan dengan sejumlah lebih 2000 orang masyarakat Orang Asli.

Begitu juga di daerah Pekan, terdapat tiga orang penggerak masyarakat, sedangkan terdapat tiga puluh lebih buah kampung yang perlu diadakan program dakwah Islamiah. Dengan tenaga yang ada ini kami hanya melakukan sekadar yang termampu sahajalah (Juhana, temu bual 16 Dis. 2004).

Pendapat di atas telah dipersetujui oleh Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob yang berpendapat, soal kekurangan pendakwah sememangnya berlaku (Berita Harian 2004: 13).

Bagi Juhana (temu bual 16 Dis. 2004), masalah ini berlaku kerana kerja sebagai penggerak masyarakat ialah merupakan pekerjaan yang beruruskan

dengan masyarakat Orang Asli yang tinggal di dalam hutan. Oleh itu apabila mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik, kemungkinan untuk mereka meninggalkan jawatan tersebut memang ada.

Menurut Mazlan (temu bual 21 Dis. 2004), tugas sebagai penggerak ini kurang mendapat sambutan kerana jawatan ini merupakan jawatan kontrak yang disambung dalam tempoh perkhidmatan setiap dua tahun. Jadi, apabila mereka mendapat jawatan yang tetap, secara tidak langsung mereka akan meninggalkan jawatan tersebut.

Hal ini telah terbukti, di mana dalam suatu kursus yang dihadiri oleh pengkaji, sepatutnya peserta yang terdiri daripada para penggerak baru adalah seramai 60 orang, tetapi yang mendaftar hanyalah seramai 35 orang akibat daripada penarikan diri daripada jawatan tersebut.

Kurangnya tenaga kerja dan kakitangan yang mempunyai minat, dedikasi, pengetahuan dan kesanggupan untuk menjalankan kegiatan pengembangan agama Islam di kalangan masyarakat Orang Asli telah mengakibatkan tidak banyak tempat yang dapat dilawati dan tidak ramai masyarakat Orang Asli yang dapat didampingi dalam memberi penerangan dan kesedaran mengenai usaha-usaha pembangunan rohaniah dan agama Islam (JHEOA 1981. T.h).

Hal ini diakui oleh Darus (temu bual 16 Dis. 2004) yang menjelaskan, kekurangan tenaga pendakwah ini telah mengakibatkan kurangnya program-program susulan seperti kelas fardhu ain dan program ziarah untuk dilakukan kepada masyarakat Orang Asli. Beliau memberikan contoh bahawa di Bera hanya terdapat dua orang tenaga dakwah sedangkan terdapat berbelas buah kampung masyarakat Orang Asli di daerah ini yang memerlukan program dakwah.

Oleh itu dalam masa tempoh setahun, kita hanya mampu memasuki sekali bagi sesebuah kampung dan mungkin ada di antara kampung yang kita tidak sempat untuk memasukinya (Darus, temu bual 16 Dis. 2004)).

Keadaan di atas telah dijelaskan lagi oleh Aziz (temu bual 27 Mac 2004) yang mengatakan, masalah masyarakat Orang Asli yang sudah memeluk agama Islam ialah mereka dibiarkan tanpa mendapat bimbingan agama yang sewajarnya daripada penggerak masyarakat. Beliau memberikan contoh di kampungnya yang mana sudah hampir enam tahun penduduknya memeluk agama Islam, namun baru satu tahun penggerak masyarakat ditempatkan di sini, itupun hanyalah pembantu penggerak masyarakat di kalangan penduduk tempatan yang telah menamatkan pengajiannya di PETAMA.

Menurut beliau lagi, dalam tempoh tersebut kehidupan mereka terbiasa ke hulu dan ke hilir tanpa haluan. Sekiranya ada tenaga pengajar dalam tempoh tersebut, setidak-tidaknya sudah pandai sembahyang, tapi sekarang bukannya hendak sembahyang, hendak ambil air sembahyang pun tidak tahu (Aziz, temu bual 27 Mac 2004).

Begitu juga pendapat yang diberikan oleh Fauzi (temu bual 26 Mac 2004). Beliau merupakan orang yang mula-mula memeluk Islam di perkampungannya

yang telah lama terbiar tanpa bimbingan kerana ketiadaan penggerak. Penggerak masyarakat ditempatkan di perkampungannya pada tahun 2001 sedangkan beliau telah berpuluhan tahun memeluk agama Islam.

Hal ini juga turut diakui oleh Md. Zahar (temu bual 28 Dis. 2004) yang berpendapat, kekurangan program susulan dakwah kepada masyarakat Orang Asli memang kita akui. Ini adalah disebabkan pendakwah tidak terkejar untuk memasuki semua perkampungan kerana masalah kekurangan tenaga. Oleh itu, tenaga pendakwah perlu ditambah untuk memperhebatkan program dakwah kepada masyarakat Orang Asli.

Akibatnya, Orang Asli yang beragama Islam ini akan kurang berkeyakinan dan lemah imannya lantaran dari tiadanya bimbingan dan bantuan dari segi pengetahuan agama Islam dan juga kehidupan. Keadaan dan amalan kepercayaan baru (agama Islam) serta taraf kehidupan yang tidak jauh berbeza dengan apa yang ada sebelumnya boleh mengurangkan semangat serta minat mereka dan akan menjadi cemuh dan ejekan oleh masyarakat Orang Asli yang lain (JHEOA 1981. T.h).

Selain daripada itu, kekurangan program susulan akan melahirkan masyarakat Orang Asli yang tidak betul cara amalannya. Hal ini pernah dialami oleh Batin Kg. Kol apabila hendak mengajak orang kampung kepada Islam, di mana orang kampung sukar untuk mengikutinya kerana melihat beliau yang masih tidak betul sebagai seorang muslim, kata beliau ibarat ketam mengajar anaknya berjalan (Fauzi, temubual 26 Mac 2004).

Lantaran itu, menurut Abdul Ghafar (2006: 5), keadaan ini akan melambatkan proses perkembangan dakwah di kalangan masyarakat Orang Asli.

Lebih dahsyat lagi, akibat daripada kurangnya program susulan akan menyebabkan mereka menjadi murtad. Menurut Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, cerita murtad adalah cerita lama dan bukan salah mereka walaupun kes itu agak terpencil dan kecil bilangannya. Namun dari pandangan beliau, takut perkara ini tidak diperbetulkan dan ia akan berulang. Sehubungan dengan itu, beliau meminta supaya dakwah dan tindakan susulan untuk Orang Asli yang memeluk Islam perlu diberi perhatian serius supaya mereka kekal dan mengamalkan ajaran Islam (Berita Harian 2004:13).

Untuk meresapi ajaran Islam kepada masyarakat Orang Asli yang menerima Islam bukanlah suatu perkara yang mudah. Kalau tidak dengan adanya peraturan, disiplin-disiplin tertentu dan strategi yang kuat, sudah tentu percubaan ini menemui jalan buntu (JHEOA T.th: T.h).

Untuk menampung kekurangan ini, pengambilan pendakwah perlu diperhebatkan dengan meletakkan syarat SPM atau 4 thanawi sebagai syarat yang paling minima kerana dewasa ini terdapat ramai di kalangan belia atau beliawanis yang telah mendapat pendidikan di tahap tersebut (Mohamed Ramli, temu bual 26 Mac 2004).

Diluar samping itu, sudah tibahtah jawatan ini dijadikan sebagai jawatan yang tetap bagi menarik orang ramai untuk menyertainya kerana setiap kali ada

perjumpaan dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), inilah salah satu perkara yang sentiasa dibincangkan (Mazlan, temu bual 21 Dis. 2004).

Penambahan penggerak masyarakat Orang Asli amatlah dialu-alukan kerana masih terdapat banyak lagi kampung Orang Asli Islam yang tiada tenaga untuk mengajar ilmu fardhu ain (JAIP T.th: T.h).

Masyarakat Orang Asli beragama Islam dahagakan program ilmu dakwah, termasuk kelas fardhu ain dan kifayah serta pengajian Iqra' dan al-Quran. Begitu juga program keagamaan seperti Maulidur Rasul, ceramah dan bimbingan agama, tazkirah, majlis tahlil dan bacaan Yasin (Berita Harian 2004: 13).

Keadaan ini juga boleh mengakibatkan dijadikan contoh oleh pihak pengembang agama lain untuk memperkecilkan kesungguhan dan keikhlasan pihak pengembang agama Islam dalam menjalankan usahanya di kalangan masyarakat Orang Asli (JHEOA 1981. T.h).

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat di atas, terdapat empat perkara yang dibincangkan tentang kekurangan pendakwah iaitu fenomena, sebab, kesan kekurangan pendakwah dan langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya.

Fenomena kekurangan pendakwah ini amatlah ketara jika dilihat kepada nisbah kampung iaitu berjumlah 263 buah dan jumlah penggerak masyarakat seramai 39 orang. Jika mengikut jumlah tersebut sebagaimana yang diberikan oleh Penyelaras Penggerak Masyarakat Negeri Pahang, nisbah bagi seorang penggerak ialah tidak kurang daripada enam buah kampung. Situasi ini amat membimbangkan kerana, jika keadaan tersebut berlaku, sudah tentu ianya di luar kemampuan penggerak masyarakat untuk melaksanakan tugas mereka.

Ketidakmampuan mereka untuk bertugas dibanyak perkampungan adalah kerana tugas utama mereka sebagai penggerak adalah untuk mengajar masyarakat tersebut setelah mengislamkan mereka dan bukan hanya sekadar melakukan pemerhatian dan tinjauan semata-mata. Dalam pengajaran dan bimbingan, semakin kecil jumlah penuntutnya adalah lebih mudah untuk memberi perhatian kepada mereka, lebih-lebih lagi yang dibimbing itu adalah masyarakat Orang Asli. Oleh itu, secara lojiknya, semakin ramai penggerak masyarakat semakin baik untuk dakwah Islamiah, dengan syarat mereka komited dengan tugas mereka.

Di samping fenomena tersebut, penyelarasan jumlah penggerak di setiap daerah juga perlu diambil kira oleh pihak yang berwajib. Adalah suatu yang tidak boleh diterima, sebuah daerah seperti Pekan yang mempunyai jumlah Orang Asli di Negeri Pahang yang teramat, hanya mempunyai seramai tiga orang penggerak masyarakat sebagaimana dijelaskan oleh Juhana. Oleh itu, pihak berwajib perlu melihat kepada kesesuaian jumlah penduduk untuk menempatkan berapa jumlah penggerak yang sewajarnya di sesuatu kawasan atau daerah.

Gambaran-gambaran di atas telah menjelaskan kekurangan pendakwah di Negeri Pahang berada dalam keadaan yang amat kritikal. Hal ini berlaku disebabkan oleh beberapa perkara.

Terjadinya fenomena ini adalah disebabkan oleh jawatan penggerak masyarakat bukanlah jawatan tetap sebagaimana dijelaskan oleh Mazlan. Dalam pada itu, kerja sebagai penggerak masyarakat tidak menjanjikan keselesaan kerana kerjanya adalah merupakan kerja yang berurusan dengan masyarakat Orang Asli serta dikelilingi dengan hutan belantara sebagaimana dijelaskan oleh Juhana.

Oleh itu, jika pendakwah tidak memiliki iman dan iltizam yang teguh, akidah yang mantap dan tekad yang kukuh, pastilah dia tidak akan mampu melintasi masalah tersebut. Ini adalah kerana kekuatan imanlah yang akan memudahkan dia meneruskan perjuangan dakwah Islamiah dengan penuh keyakinan bahawa Allah S.W.T yang menjamin rezeki dan menanggungnya (Jarishah 1986: 283).

Akibat kekurangan pendakwah yang berkesanggupan untuk bertugas sebagai penggerak masyarakat telah meninggalkan beberapa kesan kepada dakwah Islamiah. Kesannya ialah banyak tempat atau perkampungan yang tidak dapat dilawati untuk mendampingi masyarakat Orang Asli sebagaimana dijelaskan oleh Md. Zahar dan keterangan yang diperolehi daripada kertas kerja JHEOA. Bagi mereka yang telah memeluk agama Islam, program ziarah dan kelas-kelas pengajian agama tidak dapat dijalankan dengan lancar sebagaimana dijelaskan oleh Darus dan ini menyebabkan masyarakat Orang Asli menjadi terbiar sebagaimana dijelaskan oleh Aziz dan Fauzi. Keadaan ini akan melambatkan proses perkembangan dakwah kepada sasaran sebagaimana dijelaskan oleh Abdul Ghafar. Malah lebih dahsyat lagi boleh menyebabkan mereka menjadi murtad sebagaimana dijelaskan dalam Berita Harian. Suasana ini akan menyebabkan pihak pengembang agama lain memperkecilkan kesungguhan pihak pengembang agama Islam sebagaimana dijelaskan dalam kertas kerja JHEOA.

Oleh itu, beberapa langkah perlu diambil dengan kadar yang segera seperti menetapkan jawatan penggerak masyarakat yang bertaraf kontrak sebagaimana dijelaskan oleh Mazlan dan meletakkan syarat yang paling minima bagi tujuan menarik seramai mungkin individu untuk menyertai jawatan ini sebagaimana dijelaskan oleh Mohamed Ramli kerana masyarakat Orang Asli beragama Islam dahagakan program ilmu dakwah sebagaimana dijelaskan dalam Berita Harian.

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa kekurangan pendakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang berada di tahap yang sangat kritis. Fenomena ini akan memberi kesan negatif kepada dakwah dan pembangunannya kerana dakwah tidak akan wujud tanpa adanya pendakwah. Oleh itu langkah penambahan mereka perlu disegerakan.

### c. Masalah Tingkahlaku Negatif Pendakwah

Masalah ketiga pendakwah ialah tingkahlaku negatif pendakwah yang dipaparkan kepada masyarakat Orang Asli.

Menurut Ahmadi (temu bual 24 Ogos 2004), bila sesuatu program dakwah dilakukan, ada di antara para pendakwah yang menabur janji untuk membantu masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam. Namun begitu, setelah mereka memeluk Islam bertahun lamanya, janji tersebut tidak ditepati oleh pendakwah terbabit. Beliau membawa contoh program dakwah di Kg. Sg. Gapor, Bentong, di mana terdapat pendakwah yang menjanjikan untuk membantu sasaran jika memeluk Islam sebanyak RM 3000.00 bagi memulakan perniagaan di perkampungan tersebut. Namun begitu, setelah sasaran memeluk Islam, pendakwah tersebut tidak memberiup seperti mana yang telah dijanjikan.

Datuk Omar b. Othman menjelaskan, menjanjikan sesuatu sekiranya masuk Islam boleh membahayakan dan merosakkan akidah masyarakat Orang Asli. Oleh itu, jika mereka ikhlas untuk masuk agama Allah ini, beliau percaya masalah murtad tidak mungkin tumbul. Tetapi sekiranya ada janji tertentu seperti dapat rumah atau ladang untuk mereka apabila masuk Islam, keadaan sedemikian boleh menimbulkan perkara yang tidak diingini seperti murtad dan sebagainya (Berita Harian 2004: 13).

Hal ini turut dipersetujui oleh Mohd Ghazali (temu bual 17 Mac 2005), yang berpendapat, memang terdapat banyak contoh janji pembangunan yang ditaburkan oleh masyarakat kita menjadi masalah kepada dakwah pada hari ini.

Oleh itu menurut Annif (temu bual 16 Dis. 2004), pendakwah kena jaga kepercayaan yang dibina bertahun lamanya dengan masyarakat Orang Asli. Jangan sampai kepercayaan tersebut hilang dalam kehidupan mereka. Oleh itu apabila kita hendak memberikan sesuatu bantuan atau untuk mengadakan sesuatu program maka kita perlu katakan bahawa kita akan mencuba untuk memberi atau mengadakannya. Ini adalah kerana sekiranya kita berjanji dengan penuh kepastian dan apa yang dijanjikan itu dimungkiri, ini akan menimbulkan kemarahan mereka dan kesannya mereka tidak akan mempercayai kita lagi.

Oleh itu menurut Mohd Ghazali (temu bual 17 Mac 2005), apabila kita memasuki ke perkampungan Orang Asli untuk melakukan aktiviti dakwah, kita bawakan agensi pembangunan yang sememangnya mampu untuk menunaikan janji mereka. Sebagai contohnya di Kg. Mikang, Muadzam Shah, kita menjemput pengurus Tenaga Nasional Berhad pada masa itu iaitu Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis untuk merasmikan program kita dan janji untuk memberikan bekalan elektrik telah dapat ditunaikan di perkampungan tersebut.

Selain daripada mungkir janji, pendakwah juga dikesan mengganggu anak gadis masyarakat Orang Asli sehingga ada yang mengandung. Kes ini pernah berlaku disalah sebuah perkampungan Orang Asli di Bentong. Kes yang sebegini akan mengganggu kelancaran dakwah Islamiyah kerana lari daripada prinsip dakwah itu sendiri. Inilah yang menyebabkan dakwah menjadi rumit kerana walaupun yang melakukannya adalah individu tertentu, namun masyarakat Orang Asli akan memukul rata kepada semua orang Islam (Ahmadi, temu bual 24 Ogos 2004).

Dalam samping itu, terdapat juga kes kecurian yang dilakukan oleh pendakwah di dalam perkampungan masyarakat Orang Asli. Kes ini telah disentuh oleh Mazlan (temu bual 21 Dis. 2004) yang menerangkan, terdapat kes di Cameron Highlands, di mana masyarakat Orang Asli di Kg. Rening enggan menerima kedatangan orang Islam kerana hasil perbuatan segelintir pendakwah yang mencuri ikan mereka di dalam kolam dan sungai yang terdapat di perkampungan mereka. Ini adalah kerana dari kolam dan sungai tersebutlah hasil punca pendapatan mereka selama ini.

Daripada pendapat-pendapat di atas, di dapat terdapat tiga tingkahlaku negatif yang dilakukan oleh pendakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang iaitu mungkir janji, mengganggu anak dara mereka dan mencuri. Tidak sepatutnya sebagai seorang pendakwah mereka melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan akhlak pendakwah. Ini adalah kerana mereka merupakan cerminan utama kepada ajaran Islam.

Mereka ini digambarkan oleh al-Jami (1979: 191-192) hanya membawa risalah dakwahnya melalui lisan dan tidak membawanya melalui kelakuan dan amalan harian. Keadaan seperti ini telah diperingatkan oleh Allah S.W.T dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَمْ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ○ كَبَرَ مَقْتُنَا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا  
فَعْلُونَ ○

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya? Amat besar kebencian di sisi Allah-kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

Surah al-Saf, 61. 2-3

Menurut Abu Zaid (1966: 57), pendakwah hendaklah berpegang dengan seruan dakwahnya dan menunjukkan contoh akhlak yang mulia serta beramal dengan prinsip-prinsip asas dalam perlakuan dan kata-katanya. Pendakwah juga hendaklah beriltilazam dengan bersungguh-sungguh tentang apa yang didakwahnya melalui perbuatan, bukan dengan kata-kata sahaja.

Terdapat sebab mengapa tingkahlaku yang negatif ini dilakukan oleh para pendakwah dan dengan tindakan tersebut juga akan meninggalkan kesan kepada dakwah Islamiah.

Terjadinya tingkahlaku yang negatif ini seperti mungkir janji disebabkan oleh pendakwah suka menabur janji sedangkan mereka tidak berkemampuan untuk menunaikan janji tersebut sebagaimana dijelaskan oleh Ahmadi.

Kesan daripada tingkahlaku negatif yang dilakukan oleh pendakwah ini boleh merosakkan akidah masyarakat Orang Asli seperti mana dijelaskan oleh Datuk Omar b. Othman sekiranya janji tersebut tidak dipenuhi setelah mereka memeluk agama Islam, menimbulkan kemarahan mereka sebagaimana

dijelaskan oleh Annif dan mereka enggan lagi menerima kehadiran orang Islam sebagaimana dijelaskan oleh Mazlan kerana perbuatan segelintir daripada individu tertentu yang tidak bertanggungjawab sebagaimana dijelaskan oleh Ahmadi.

Oleh itu, beberapa langkah perlu dilakukan seperti kita bawakan dalam program dakwah agensi pembangunan yang mampu menunaikan janji tersebut sepertimana diutarakan oleh Mohd Ghazali dan menjaga kepercayaan yang dibina antara kita dengan mereka sepertimana dijelaskan oleh Annif.

Hasil daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa pendakwah tidak sewajarnya melakukan tingkahlaku negatif yang boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan sasaran untuk menerima dakwah. Mereka sepatutnya bertingkahlaku sesuai dengan akhlak sebagai pendakwah.

#### c. Masalah Pendakwah Yang Berkaitan Dengan Organisasi Dakwah

Masalah keempat pendakwah ialah masalah pendakwah yang berkaitan dengan organisasi dakwah untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang.

Dakwah kepada masyarakat Orang Asli memerlukan kemudahan-kemudahan yang tertentu seperti kemudahan dalam soal pengajaran, pengangkutan dan kewangan kerana dakwah berhadapan dengan suatu masyarakat yang kebanyakannya buta huruf dan tinggal di kawasan pendalaman. Semua kemudahan-kemudahan ini sewajarnya disediakan oleh organisasi dakwah kepada para pendakwah bagi memudahkan aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli. Namun begitu, terdapat di antara kemudahan-kemudahan tersebut yang tidak disediakan langsung oleh organisasi dakwah.

Menurut Zainon (temu bual 18 Ogos 2004), dalam soal pengajaran misalnya penggerak tidak dibekalkan dengan alat bantuan mengajar walaupun alat yang asas seperti papan putih untuk memudahkan proses pengajaran kepada masyarakat Orang Asli. Jika terdapat kemudahan di sesuatu perkampungan, semuanya di atas inisiatif penggerak sendiri yang menyediakannya.

Hal ini turut diakui oleh Zainal Abidin (temu bual 17 Dis. 2004) yang berpendapat bahawa, ketika ini beliau mengajar masyarakat Orang Asli dengan tiada papan putih atau hijau atau sebarang alat bantuan mengajar. Menurut beliau, yang ada hanyalah dewan dan elektrik sahaja. Malah peralatan untuk melakukan praktikal sembahyangpun tiada sejадah, telekom dan sebagainya.

Oleh itu, menurut Md. Zahar (temu bual 28 Dis. 2004), penggerak perlulah pandai-pandai mencari alternatif untuk mendapatkan bekalan peralatan tersebut sekiranya diperlukan seperti meminta daripada pihak JAKIM, Yang Berhormat di kawasan masing-masing, membeli sendiri dan sebagainya.

Fakta di atas turut diperjelaskan oleh Mohd Yusoff ( temu bual 18 Ogos 2004) yang mengatakan, sekiranya inginkan kelengkapan peralatan pengajaran, kami penggerak kena beli sendiri.

D1 samping kelengkapan peralatan pengajaran tersebut, dalam zaman teknologi maklumat ini penggunaan komputer amat penting sekali dan sekiranya ada peruntukan, pihak berkenaan bolehlah menyalurkan sebuah komputer bagi setiap daerah untuk kegunaan para penggerak (Mohd Yusoff, temu bual 18 Ogos 2004).

Hal ini telah disentuh oleh Mohd Ghazali (temu bual 17 Mac 2005) yang mengatakan, kekurangan penggunaan peralatan media juga merupakan satu perkara yang perlu diselesaikan. Ini adalah kerana kita berada dalam era teknologi maklumat. Oleh itu segala kemudahan yang ada perlu kita gunakan untuk menyampaikan dakwah kepada golongan tersebut.

Umat Islam bukan sahaja disarankan supaya menggunakan teknologi tersebut untuk dijadikan sebagai saluran dakwah, tetapi mereka juga disarankan agar mampu bertindak sebagai pencipta kepada teknologi tersebut. Galakan ini dinyatakan oleh Zulkepli (2001: 78) yang menjelaskan, di samping memperkuatkan metode dakwah tradisional, perkembangan teknologi maklumat juga perlu dikuasai oleh umat Islam, bukan sekadar menjadi pengguna, tetapi menjadi pencipta dan pembentukan minda kepada pembangunan teknologi sama ada perkakasan ataupun perisian.

Kemudahan lain yang menjadi masalah kepada penggerak ialah ketiadaan pengangkutan di darat dan kekurangan pengangkutan di sungai.

Menurut Mohd Tahir (temu bual 17 Dis. 2004), penggerak memerlukan kenderaan pacuan empat roda untuk memudahkan mereka memasuki ke perkampungan yang melalui jalan-jalan balak. Menurut beliau, ketika ini tiada langsung kemudahan kenderaan tersebut walaupun sebuah untuk kegunaan penggerak masyarakat melakukan aktiviti dakwah. Keadaan ini akan melambatkan proses penyampaian dakwah kepada masyarakat Orang Asli terutama bagi mereka yang tinggal di kawasan pendalam. Oleh itu, pihak terbabit perlulah memikirkannya supaya kenderaan tersebut boleh diadakan di setiap daerah ataupun ada sebuah sahaja di negeri ini untuk dikongsi atau digilirkan sudah memadai untuk kemudahan bersama.

Begitu juga dengan kemudahan bot untuk menyelusuri kampung Orang Asli yang terletak di tepi sungai yang tidak boleh dihubungi melalui jalan darat. Menurut Mohamed Ramli (temu bual 26 Mac 2004), di Negeri Pahang hanya terdapat sebuah bot iaitu di Sg. Lipis untuk kegunaan berdakwah kepada masyarakat Orang Asli yang diletakkan di Kuala Medang. Sekiranya untuk melakukan aktiviti dakwah ke Ulu Tembeling, terpaksalah penggerak menyewa kepada pengusaha-pengusaha bot yang memakan jumlah yang besar sehingga mencecah RM 700.00 hingga RM 800.00 untuk satu hari.

Masalah lain juga ialah tiadanya Pusat Latihan Khas. Oleh itu agensi pelaksana iaitu JAIP dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) tidak dapat mengadakan program bimbingan secara berkesan kepada Saudara Baru. Buat masa ini JAIP hanya mampu menganjurkan kursus secara berkala di hotel dan resort serta mengikut kadar peruntukan kewangan yang

ditentukan sahaja. Keadaan ini menyebabkan ramai Saudara-saudara Baru tidak mendapat bimbingan sepenuhnya (JAIP T.th: 5).

Selain daripada masalah di atas, penggerak juga berhadapan dengan masalah kelewatan mendapat elaun yang dituntut.

Menurut Zainon (temu bual 18 Ogos 2004), beliau pun merasa hairan kenapa hal ini boleh berlaku. Apabila tuntutan dibuat, setahun baru diperolehi. Sepatutnya di zaman serba cepat ini, perkara sebegini tidak berlaku lagi. Bagi penggerak, pendapatan bulanan mereka adalah kecil, jadi dengan adanya elaun, ianya akan menjadi inisiatif kepada mereka untuk melakukan tugas-tugas dakwah. Tetapi sekiranya hal sebegini berlaku, bukannya inisiatif yang terjadi tetapi melemahkan semangat mereka.

Oleh kerana tidak tahan dengan kerohan birokrasi untuk menuntut elaun, maka Mohd Tahir telah mengambil tindakan tidak menuntut sebarang elaun untuk tahun 2004, kerana menurutnya pembayaran elaun yang dituntut memakan masa selama satu tahun (Mohd Tahir, temubual 17 Dis. 2004).

Masalah ini turut diperjelaskan oleh Darus (temu bual 16 Dis. 2004) yang menjelaskan, biasanya elaun yang dituntut akan diperolehi dalam masa setahun. Malah gajipun dibayar lewat kerana alasan yang diberikan jawatan penggerak adalah jawatan kontrak. Keadaan sebegini mendatangkan masalah kepada kami yang membeli rumah, kereta dan untuk mengurus perbelanjaan persekolahan anak-anak. Oleh itu terdapat juga dalam keadaan tertentu, untuk pergi berdakwah kami terpaksa meminjam duit dengan adik beradik dan emak serta keluarga yang lain.

Menurut Juhana (temu bual 16 Dis. 2004), masalah kelewatan mendapat elaun merupakan masalah lama yang menimpah kami sebagai penggerak masyarakat. Malah kadang-kadang, elaun yang dituntut tidak akan diterimapun sedangkan kita telah mendahuluikan kewangan kita untuk melakukan kerja-kerja dakwah.

Bagi Mazlan (temu bual 21 Dis. 2004), selama beliau berkhidmat sebagai penggerak iaitu hampir dua tahun, hanya sekali tuntutan elaunnya diterima, sedangkan program dakwah yang dihadiri olehnya hampir setiap bulan. Oleh itu, semua program tersebut dihadiri dengan menggunakan wangnya sendiri. Menurut beliau, dalam setiap ijtimak yang diadakan, persoalan ini sering dibangkitkan tetapi hal yang sama sepertimana sebelum ini tetap berlaku.

Oleh itu menurut Tahir (temu bual 17 Dis. 2004), pihak-pihak tertentu hendaklah prihatin akan nasib para penggerak ini dan jangan hanya menudung jari ke arah mereka di atas sesuatu masalah dakwah yang timbul tetapi pihak-pihak tertentu perlulah melihat kehidupan para penggerak ini sebetulnya dengan menyelesaikan masalah tersebut.

Ini adalah kerana untuk berdakwah kita perlukan kewangan untuk bergerak ke sana ke mari, di samping untuk ditinggal kepada keluarga semasa kita keluar untuk melakukan kerja-kerja tersebut (Md. Zahar, temu bual 28 Dis. 2004).

Akibatnya, terdapat di antara mereka yang melarikan diri kerana menganggap kerja sebagai penggerak masyarakat ini penuh dengan kemudahan sepetimana orang yang bekerja di pejabat-pejabat agama, tetapi sebaliknya terpaksa berdepan dengan masyarakat Orang Asli yang banyak kurap dan bekung di badan mereka (Md. Zahar, temu bual 28 Dis. 2004).

Berdasarkan kepada pendapat-pendapat di atas, didapati terdapat beberapa kemudahan asas pendakwah telah diaibaikan oleh organisasi dakwah untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. Kemudahan asas tersebut adalah seperti tiada peralatan untuk pengajaran, tiada Pusat Latihan Khas, tiada pengangkutan di darat dan kekurangan pengangkutan di sungai serta masalah kelewatan pembayaran elaun.

Terdapat beberapa sebab yang menjadi punca kemudahan tersebut diaibaikan. Hal ini telah mendatangkan akibat kepada dakwah dan langkah untuk mengatasinya perlu dicari bagi melancarkan aktiviti dakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang.

Terjadinya hal yang sedemikian disebabkan pihak yang berwajib tidak menyediakan kemudahan-kemudahan yang sewajarnya kepada penggerak masyarakat sebagaimana dijelaskan oleh Zainon untuk tujuan mengadakan program dakwah sama ada dakwah kepada masyarakat non-muslim atau dakwah kepada mereka yang telah memeluk agama Islam.

Dari sudut kelewatan pembayaran elaun pula, didapati bahawa ianya adalah disebabkan oleh jawatan penggerak masyarakat adalah jawatan kontrak sebagaimana dijelaskan oleh Darus.

Akibat daripada ketiadaan kemudahan asas tersebut seperti ketiadaan pengangkutan telah meninggalkan kesan kepada dakwah Islamiah iaitu mengganggu kelancaran dakwah Islamiah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang sebagaimana dijelaskan oleh Mohd Tahir. Manakala dengan ketiadaan peralatan pengajaran dan Pusat Latihan Khas akan menyebabkan program bimbingan yang diadakan kurang berkesan khususnya kepada Saudara Baru sebagaimana dijelaskan dalam laporan JAIP. Sementara akibat kelewatan pembayaran elaun telah melemahkan semangat penggerak masyarakat sepetimana dijelaskan oleh Zainon. Akibat yang lebih teruk daripada akibat-akibat di atas ialah terdapat di kalangan penggerak masyarakat yang lari meninggalkan jawatannya kerana tidak tahan dengan suasana pekerjaan yang terpaksa dihadapi sebagaimana dijelaskan oleh Md. Zahar.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini beberapa langkah perlu diambil bagi menyelesaiannya. Langkah-langkah yang perlu diambil ialah pihak berwajib perlulah menyediakan keperluan-keperluan tersebut sebagaimana dijelaskan oleh Mohd Tahir b. dan melihat sendiri suasana kehidupan para pendakwah khususnya penggerak masyarakat ini sebagaimana dijelaskan oleh Mazlan.

Melalui perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa dengan pengabaian kemudahan asas untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli akan menyebabkan dakwah tidak dapat disampaikan dengan baik dan boleh

mengganggu kelancarannya. Oleh itu, pihak yang berwajib perlu mengambil langkah yang sewajarnya supaya masalah ini dapat diselesaikan agar dakwah dapat dilaksanakan dengan sebaik yang mungkin.

### CADANGAN

Untuk memantapkan dakwah kepada masyarakat Orang Asli khususnya di Negeri Pahang pada masa akan datang, maka beberapa saranan diberikan dalam kajian ini, iaitu:

1. Kerajaan hendaklah mengambil penggerak masyarakat yang benar-benar berminat dengan jawatan tersebut dan bukannya di kalangan mereka yang hanya sekadar melepaskan batuk di tangga seperti mengambil golongan muda yang tidak berjaya menjawat jawatan yang lain, lantas memohon jawatan ini. Perlunya penggerak masyarakat yang benar-benar berminat dengan jawatan tersebut kerana dengan adanya minat, mereka akan memberikan komitmen yang terbaik terhadap tugas mereka. Oleh itu, ujian dan tapisan pengambilan perlu dilaksanakan oleh pihak sumber manusia yang terlibat dengan pengambilan penggerak masyarakat.
2. Tahap kelulusan akademik yang dicadangkan untuk menjawat jawatan ini adalah berkelulusan peringkat Diploma Pengajian Islam. Perlunya mereka yang berkelulusan di peringkat tersebut untuk menjawat jawatan penggerak masyarakat ini kerana pengajian yang melepas tahap itu telah mempelajari selok belok ilmu dakwah secara meluas. Oleh itu, apabila mereka bekerja, mereka telah ada ilmu yang diperlukan untuk berhadapan dengan sasaran dakwah.
3. Sekiranya ada permohonan jawatan penggerak masyarakat daripada kalangan wanita, maka pihak kerajaan harus mempertimbangkannya. Perlunya jawatan ini diisi oleh golongan wanita adalah bertujuan untuk mengimbangi tugas tersebut yang ramai diisi oleh golongan lelaki kerana dakwah juga memerlukan penglibatan wanita dalam penyebarannya, lebih-lebih lagi kepada Orang Asli.
4. Pihak kerajaan hendaklah menjadikan jawatan penggerak masyarakat sebagai jawatan yang tetap dan berpencen. Skim gaji pendakwah pula perlulah sesuai dengan tugas mereka dan suasana kehidupan hari ini. Manakala elauan pula perlu disediakan mengikut kategori penempatan kampung masyarakat Orang Asli yang ditugaskan. Perlunya taraf jawatan, gaji dan elauan yang sedemikian, kerana iaanya mampu untuk mendatangkan motivasi kepada mereka yang menjawat jawatan tersebut. Oleh itu, pihak JAKIM perlulah bekerja keras untuk memohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi terlaksananya skim jawatan penggerak masyarakat yang berpatutan.

5. Pihak-pihak yang berwajib perlulah menyediakan infrastuktur dakwah yang diperlukan untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli seperti menyediakan peralatan pengajaran bagi tujuan membimbing mereka yang telah memeluk agama Islam, pengangkutan darat terutamanya pacuan empat roda bagi tujuan menziarahi perkampungan yang hanya boleh dihubungi oleh jalan balak, menambah pengangkutan sungai bagi tujuan menziarahi perkampungan yang hanya boleh dihubungi melalui sungai. Perlunya kemudahan infrastuktur ini diadakan atau ditambah, kerana dengan ada dan bertambahnya infrastuktur tersebut akan menyebabkan penyampaian dakwah menjadi lebih licin dan mudah. Untuk merealisasikannya, peruntukan dakwah kepada masyarakat Orang Asli perlu ditambah dari semasa ke semasa bagi tujuan memperolehi kemudahan-kemudahan yang diperlukan.
6. Pendakwah perlu mengadakan program dakwah yang tersusun dan berkesinambungan kepada masyarakat Orang Asli supaya mereka tidak ditinggalkan selepas diislamkan. Perlunya dakwah yang terancang ini diadakan kerana terdapat sasaran dakwah yang diabaikan setelah memeluk Islam ataupun tiadanya program susulan setelah sesuatu program dakwah diadakan. Hal ini boleh diadakan dengan mewujudkan sistem penjadualan yang teratur dengan melibatkan semua organisasi dakwah yang terlibat dengan masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang.
7. Pendakwah janganlah mudah menabur janji kepada masyarakat Orang Asli yang didampingi oleh mereka sekiranya tidak mampu untuk memenuhi janji tersebut. Perlunya pendakwah memelihara sikap ini kerana masyarakat Orang Asli amat berpegang kepada janji. Sekiranya janji yang ditabur tidak dipenuhi, ianya boleh merosakkan dakwah.
8. Kerajaan hendaklah membina sebuah pusat dakwah kepada masyarakat Orang Asli di setiap daerah di Negeri Pahang. Perlunya ada pusat dakwah tersebut kerana ianya akan memudahkan pihak tertentu untuk mengadakan, menyelaras dan memantau sesuatu program dakwah kepada masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam dan merancang aktiviti dakwah kepada mereka yang belum Islam. Bagi tercapainya hasrat ini, pakar-pakar dakwah hendaklah duduk bersama berbincang bagi menyediakan kertas kerja yang sewajarnya untuk dipertimbangkan oleh pihak yang berwajib.

#### KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tentang masalah pendakwah di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat empat masalah pendakwah untuk berdakwah kepada masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang yang dikenal pasti oleh kajian ini. Masalah tersebut ialah masalah pendakwah tidak komited, masalah kekurangan pendakwah, masalah tingkahlaku negatif pendakwah dan masalah pendakwah yang berkaitan dengan organisasi dakwah.

Daripada empat masalah tersebut, dua daripadanya berkaitan dengan masalah yang terdapat pada diri pendakwah secara khusus iaitu masalah pendakwah tidak komited dan masalah tingkahlaku negatif pendakwah. Manakala dua masalah lagi adalah berkaitan dengan masalah pengurusan dakwah yang tidak diuruskan dengan teratur oleh organisasi dakwah. Masalah ini juga merupakan masalah pendakwah kerana pengurusan tersebut dilakukan oleh para pendakwah.

Semua masalah ini perlu diselesaikan kerana pendakwah merupakan pendukung dakwah. Seandainya pendukung dakwah bermasalah, sudah tentu hasil dakwahnya adalah kurang berkesan.

#### RUJUKAN

- Abdul Ghafar Haji Don. 1999. "Perspektif Dakwah Non-Muslim: Kajian Terhadap Masyarakat Orang Asli Di Semenanjung Malaysia", dalam Fariza bt. Md. Sham *et al.* (ed), *Kajian Ilmu-ilmu Islam*, j.1. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Abu Zaid, Ahmad Mahmud. 1996. *Pendakwah Masa Kini*. Usamah b. Hussein (terj.). Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah.
- Abdul Ghafar Don. 2006. Laporan Program Khidmat Masyarakat Orang Asli (Latihan Amali Dakwah) Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia 2006. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Ahmadi b. Abdullah. 2004. Pegawai Dakwah PERKIM Bahagian Negeri Pahang, di PERKIM Bahagian Negeri Pahang, Kuantan, pukul 11.15.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2002. Laporan Latihan Amali Dakwah Kepada Non-Muslim (Orang Asli) Di Kg. Sg. Rual, Raub Pahang Pada 15-22 Mac 2002. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Ali b. Bakar. 2004. Ketua Unit Penyelidikan dan Penerangan JHEOA Negeri Pahang, di JHEOA Negeri Pahang, Kuantan, pukul 8.10 pagi.
- Annif b. Jalani. 2004. Penggerak Masyarakat Pos Bukit Rok, Bera, di Pejabat Agama Islam Daerah Bera, pukul 10.30. pagi.
- Amran Kasimin. 1991. *Religion and Sosial Change Among The Indigeneous People of The Malay Peninsula*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz b. Isa. 2004. Batin Kg. Sg. Kuching, Jerantut, di Kg. Sg. Kuching, Jerantut, pukul 4.00 petang.
- Berita Harian. 2004. "Tengku Mahkota Dedah Orang Asli Murtad" 28 April.
- Berita Harian. 2004. "Pendakwah Mesti Turun Padang" 25 Mei.
- Berita Harian. 2004. "Pendakwah Tidak Komited Punca Kembali Murtad" 29 April.
- Berita Harian. 2004. "Orang Asli Islam Tidak Tahu Erti Murtad" 18 Mei.
- Berita Harian. 2004. "Kekurangan Majlis Ilmu, Pendakwah Tidak Komited" 18 Mei.
- al-Būti, Muhammad Sa'īd Ramadan. T.th. *Hakadhā fal Nadū ilā al-Islām*. Damshiq: Maktabah al-Farābī.
- Darus b. Lambak. 2004. Penggerak Masyarakat Kg. Pasal, Bera, di Pejabat Agama Islam Daerah Bera, pukul 10.30. pagi.
- Fauzi b. Majid. 2004. Batin Kg. Sg. Kol, Jerantut, di Tekam Plantation Resort, Jerantut, pada 17 Ogos 2004, pukul, 4.00 petang.

- Hasyim b. Abdullah, Pegawai Pendidikan dan Kerohanian JHEOA Kuantan, di JHEOA, Kuantan, pukul 8.30 pagi.
- al-Hudābi, Hasan. 1977. *Du'āt La Qudāt*. T.tp: Dār al-Tāwzīc wa Nashr al-Islāmiyyah.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 1981. "Kertas Kerja Strategi Perkembangan Ugama Islam Di Kalangan Masyarakat Orang Asli" Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. T.th. "Kertas Kerja Ke Arah Pengislaman Orang-orang Asli Di Malaysia dan Masalah-masalah Yang Dihadapi" Kuala Lumpur: JHEOA.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Pahang. T.th. "Maklumat Mengenai Masyarakat Orang Asli Negeri Pahang" Kuantan: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. 2003. "Pecahan Penduduk Orang Asli Mengikut Suku Kaum Hingga Disember 2003" Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.
- Jabatan Agama Islam Pahang. T.th. Laporan Berkenaan Masalah Penghayatan Islam Di Kalangan Saudara Baru Masyarakat Orang Asli Di Negeri Pahang. Pekan: Bahagian Dakwah, JAIP.
- al-Jāmī, Muhammad Amān b. Ḩāfiẓ. 1979. *Tariq al-Da'wah ilā al-Islām*. Beyrūt: al-Maktabah al-Islāmī.
- al-Jāmī, Muhammad Amān b. Ḩāfiẓ. 1996. *Adwā' 'Alā Tariq al-Da'wah ilā al-Islām*. Beyrūt: Dār al-Jalīl.
- Jarishah, Ḩāfiẓ. 1986. *al-Ittijāhāt al-Fikriyyah al-Mu'āsirah*. al-Qāherah: Dār al-Wafā'
- Juhana bt. Jantan. 2004. Penggerak Masyarakat Kg. Menchupu, Pekan, di Pejabat Agama Islam Daerah Bera, pukul 9.10 pagi.
- Leary, John D. 1995. Violence *The Dream People: The Orang Asli in The Malayan Emergency, 1948-1960*. Athens: Ohio University.
- Mashhūr, Muṣṭafā. 1995. *Min Fiqh al-Da'wah*, j. 1. T.tp: Dār al-Tāwzīc wa al-Nashr al-Islām.
- Mazlan b. Mahmud. 2004. Penggerak Masyarakat Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands, di Kg. Sg. Ruil, Cameron Highlands, pukul 5.45 petang.
- Md. Zahar b. Abd. Karim. 2004. Penggerak Masyarakat Kg. Bukit Serdang, Rompin, di Pejabat Agama Islam Daerah Rompin, pukul 9.25 pagi.
- Mohd Ghazali b. Abd. Aziz, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIP, di JAIP, Pekan, pada 27 Dis. 2004, pukul 3.00 Petang.
- Mohd Ghazali b. Abd. Aziz. 2005. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Dakwah JAIP, di Agro Resort Sg. Semuji, Kuantan, pukul 2.30 petang.
- Mohd Yusoff b. Rahim. 2005. Penggerak Masyarakat Kg. Paya Petai, Jerantut, di Tekam Plantation Resort, Jerantut, pukul 12.30 tengahari.
- Mohamed Ramli b. Rahmat. 2004. Penyelaras Penggerak Masyarakat Negeri Pahang, di Kg. Sg. Kol, Jerantut, pukul 8.30 malam.
- Mohd Amin Abdul Rahim. 2001. *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*. Kuala Lumpur: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Mohd Tahir b. Hj. Kassim. 2004. Penggerak Masyarakat Pos Sinderut, Lipis, di Pusat Latihan Pertanian, Raub, pukul 4.00 petang.
- Pemerhatian turut serta dalam kursus yang dianjurkan oleh JAKIM kepada penggerak masyarakat di Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi Selangor, pada 22 Julai 2003.
- Pemerhatian turut serta di Pos Terisu, Cameron Highlands, pada 27 Dis 2002-4 Jan. 2003.

- Razi b. Musa. 2005. Pengurus PETAMA, di PETAMA, Kuantan, pukul 12.15 tengahari.
- Rosli b. Mamat. 2005. Pegawai Kerja PERKIM Bahagian Negeri Pahang, di PERKIM Bahagian Negeri Pahang, Kuantan, pukul 10.30 pagi.
- Yakan, Fathi. 1980. *Musykilāt al-Dā'wah wa Dā'iyyat*. Beyrūt: Muassasah al-Risalah.
- Zainal Abidin b. Samat. 2004. Penggerak Masyarakat Pos Satak, Raub, di Pejabat Agama Islam Raub, pukul 11.30 pagi.
- Zainon bt. Abd. Majid. 2004. Penggerak Masyarakat Kg. Paya Rekoh, Temerloh, di Tekam Plantation Resort, Jerantut, pukul 12.30 tengahari.
- Zulkepli Abd. Ghani. 2001. *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.